Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salehuddin Ayub berkata, penubuhan unit itu sebagai langkah awal sebelum mewujudkan satu agensi baharu di kementeriannya iaitu Lembaga Harumanis Malaysia kelak.

Katanya, penubuhan unit khas itu juga sebagai jaminan kerajaan bagi menambah baik taraf ekonomi pengusaha mempelam harumanis.

“Bagi mewujudkan lembaga atau agensi khusus untuk harumanis memerlukan komitmen dan pematuhan kriteria yang tinggi, ia bukan sesuatu yang mudah.

“Tetapi penubuhannya (Lembaga Harumanis) tidak mustahil. Atas faktor itu, diwujudkan dulu unit jualan khas harumanis di FAMA bagi memastikan jualan dan permintaan buah tidak putus, di dalam mahupun luar negara.

“Penubuhan unit ini juga bagi mengelak lambakan buah selain menjadi penanda aras permintaan harumanis oleh pelanggan sebelum agensi itu ditubuhkan,” katanya di Jabatan Pertanian Perlis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/2/2019	KOSMO	NEGARA	12

Harumanis dicadang menu wajib majlis keraian

KANGAR - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, beliau akan mencadangkan kepada Kabinet agar memelam harumanis dijadikan menu wajib majlis-majlis anjuran kementerian dan agensi kerajaan.

Kata beliau, cadangan itu adalah untuk membantu perkembangan industri harumanis negara terutama di Perlis.

“Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan telah menubuhkan satu unit khas bagi memasarkan produk ikon Perlis itu ke pasaran antarabangsa.

“Kementerian juga akan bekerjasama dengan Tourism Malaysia untuk mempromosikan musim buah-

buahan Malaysia sebagai antara produk pelancongan negara,” katanya pada sesi dialog sempena Hari Bertemu Pelanggan MOA peringkat negeri Perlis di Kompleks Pertanian Bukit Temiang di sini semalam.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan majlis itu, Salahuddin memberitahu, usaha perlu dipergiat untuk mencari tanaman alternatif yang boleh dikomersialkan untuk tempoh jangka panjang bagi menggantikan getah dan kelapa sawit.

Menurutnya, ketidakstabilan harga kedua-dua komoditi itu telah menjejaskan kehidupan pengusaha serta memaksa kerajaan memberi subsidi agar kedua-dua industri terus hidup dan memberi pulangan setimpal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/2/2019	BERITA HARIAN	DASAR & PENTADBIRAN	6

FAMA tubuh unit khas pemasaran mangga harumanis: Salahuddin

Kangar: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menubuhkan unit khas pemasaran mangga harumanis agar buah itu dapat dipasarkan secara lebih meluas di dalam dan luar negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata penubuhan unit itu adalah langkah awal pihaknya sebelum satu agensi khusus diwujudkan bagi mangga harumanis pada masa depan.

Katanya, penubuhan unit khas itu juga sebagai langkah dan jaminan kerajaan dalam membantu menambah baik taraf ekonomi pengusaha mangga harumanis.

Perlu komitmen, patuh kriteria

"Mewujudkan satu agensi khusus untuk mangga harumanis memerlukan komitmen dan pematuhan kriteria yang tinggi. Ia bukan sesuatu yang mudah.

"Tidak mustahil agensi khusus ini ditubuhkan dan atas faktor itu kita wujudkan dahulu unit jualan khas mangga harumanis di FAMA bagi memastikan jualan dan permintaannya tidak putus di dalam dan luar negara," katanya pada sidang media selepas melawat Jabatan Pertanian Perlis di sini, semalam.

Salahuddin berkata, pihaknya kini berusaha memperbaiki kelemahan buah harumanis pada peringkat penghasilan ter-

masuk mengawal daripada berlakunya lambakan.

"Sebenarnya bekalan buah dalam negara belum mencukupi berikutan faktor ia bermusim dan cepat rosak menyebabkan pasaran buah tempatan di luar negara terhad.

"Tahun ini kita jangkakan pengeluaran mangga harumanis adalah 2,600 tan metrik dan unit khas ini akan memulakan tugas memasarkan buah berkenaan ke seluruh negara," katanya.

Harumanis produk istimewa Perlis

Industri tanaman ini diperluaskan menerusi penubuhan projek berkelompok dan pembangunan kluster

WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

BESERI

Industri tanaman mangga harumanis perlu diperkasakan kerana mampu memberi impak besar kepada pelancong Perlis, khususnya pada musim pengeluarannya, sekali gus memberi pulangan lumayan kepada pengusaha.

Menyentuh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, beliau yakin dengan usaha itu kerana sehingga 2018, keluasan kawasan tanaman mangga harumanis adalah 1,254.11 hektar dan keluasan berhasil pula adalah 781.55 hektar.

Menurutnya, daripada kawasan itu, pengeluaran hasil sebanyak 1,750.92 metrik tan diperolehi dengan nilai pengeluaran sebanyak RM31,418,310 dan anggaran harga RM20 bagi satu kilogram.

"Menjelang 2020, Jabatan Pertanian Negeri Perlis menyasarkan peningkatan keluasan bertanam seluas 1,320.71 hektar yang memberikan pengeluaran 2,896.02 metrik tan iaitu nilai pengeluaran sebanyak RM67,400,437," katanya ketika merasmikan Majlis Perasmian Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Peningkat Negeri Perlis di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, di sini, semalam.

Beliau turut melawat Ladang Haru-



Salahuddin bergambar bersama pengusaha dan petani di Ladang Harumanis, Kampung Tanah Pasir.

anis Kampung Tanah Pasir pada sebelah pagi dan meluangkan masa hampir sejam bersama pengusaha serta petani untuk mendengar penerangan dan melihat sendiri pokok-pokok di ladang berkenaan.

"Saya dimaklumkan juga, bilangan projek kelompok yang telah berjaya diwujudkan sebanyak 56 projek, melibatkan sembilan projek di Titi Tinggi, Chuping (tujuh), Padang Siding (11), Mata Ayer (enam), Paya (11), Beseri (tujuh) dan lima di Bintong.

"Manakala, lima projek kelompok di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Negeri Perlis," katanya.

Menurutnya, penubuhan projek berkelompok adalah kaedah pendekatan pembangunan pertanian yang telah dilaksanakan oleh jabatan untuk mengoptimalkan penggunaan sumber bagi meningkatkan pengeluaran ladang, seterusnya meningkatkan pendapatan petani.

Salahuddin juga berkata, Jabatan Pertanian Negeri Perlis telah menerima peruntukan pembangunan Persekutuan berjumlah RM1,846,500 bagi 2019 melibatkan projek bantuan peningkatan sayur-sayuran, tanam semula buah-buahan terpilih, projek ekonomi gantian tembakau dan pembangunan pertanian bandar.

Turut terlibat dalam peruntukan itu ialah pembangunan kluster tanaman mangga harumanis, pembangunan kluster tanaman kontan, pembangunan kluster tanaman tembakau, pembangunan kluster tanaman pisang, program MyGAP dan MY Organik, pembangunan ladang kontrak, pembangunan usahawan IAT,



Salahuddin cuba membalut buah mangga harumanis di Ladang Harumanis, Kampung Tanah Pasir.

Hosnan; Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak, Pengurus Besar Mada, Datuk Fozzi Ali dan Ketua Pengarah LKIM, Jamaluddin Othman.

Juadah rasmi kerajaan

Harumanis akan dijadikan salah satu juadah atau pencuci mulut pada majlis keramaian kerajaan.

Salahuddin berkata, perkara itu antara tiga jaminannya untuk terus membantu meningkatkan lagi pendapatan pengusaha tanaman tersebut.

"Saya umumkan tiga jaminan yang boleh saya bawa iaitu dengan merangka strategi di bawah agensi FAMA untuk tempoh tiga bulan semasa pengeluaran harumanis bermula Mei hingga Julai agar petani mendapat hasil lumayan melalui jualan.

"Kedua, kempen bersama Kementerian Pelancongan agar dapat membawa pelancong ke Perlis terutama pada musim pengeluarannya dan ketiga, saya akan bawa ke Kabinet agar majlis-majlis rasmi kerajaan selepas ini diwajibkan ada harumanis," katanya.

Mengulas mengenai pasaran luar negara pula, beliau berkata, pengusaha terlebih dahulu perlu meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan dalam negara.

"Jika harumanis berpotensi dieksport, kita tidak mempunyai masalah tentang perkara itu, namun perlu tingkatkan lagi penghasilan kerana permintaan dalam negara masih tidak mencukupi.

"Teknologi baharu juga perlu dibawa masuk bagi memastikan hasilnya mampu bertahan lama kerana sebelum ini pengeluarannya sekitar tiga bulan sahaja bermula Mei hingga Julai," katanya.

Projek 3P, Kursus Upskilling dan Projek NKEA Agriculture (EPP 1).

"Manakala bagi peruntukan persekutuan Pembangunan Kluster tanaman mangga harumanis bagi 2015 sehingga 2019 jumlah peruntukan diterima sebanyak RM3,250,000 melibatkan program pengembangan, pembangunan infrastruktur dan insentif peningkatan hasil bagi membantu warga tani," katanya.

Pada sidang media itu, beliau berkata, harumanis adalah produk istimewa dimiliki Perlis, malah ikon bagi penduduk dan negeri tersebut.

"Tidak mungkin kita boleh dapatkannya dari negeri lain. Kita bangga dengan buah-buahan import memelam dari India, Turki, sedangkan negara kita juga mempunyai produk begitu unggul dan menjadi ikon," katanya.

HaDir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Datuk Mohd Anim



Pembangunan Kluster tanaman mangga antara yang menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan.

Headline	Mardi develops edible food packaging materials		
MediaTitle	The Malaysian Insight ENG (www.themalaysianinsight.com)		
Date	23 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Mardi develops edible food packaging materials

THE Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) research team has successfully developed food packaging materials that can be eaten together with the food they contain. Siah Watt Moey, a research officer from the Mardi food science ...

To read the rest of the article, click ***View Full Article***

Headline	MARDI develop food packaging materials that can be eaten		
MediaTitle	Front Desk (www.frontdesk.com.my)		
Date	23 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

MARDI develop food packaging materials that can be eaten

GEORGE TOWN, Feb 23: Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) research team has successfully developed a food packaging material that can be eaten together with the food it contained. Research officer from MARDI Food Science Tech...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Mardi bangunkan bahan pembungkus boleh dimakan		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	23 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Mardi bangunkan bahan pembungkus boleh dimakan

GEORGE TOWN, 23 Feb (Bernama) -- Pasukan penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) berjaya membangunkan bahan pembungkusan makanan yang boleh dimakan bersama makanan yang terdapat di dalamnya.
Pegawai Penyelidik Pusat Penyelidikan T...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Varieti baharu tingkat hasil padi
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)
Date	23 Feb 2019
Section	NEWS
Page No	21
Language	Malay
Journalist	SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	160,000
Readership	509,000
ArticleSize	801 cm ²
AdValue	RM 5,611
PR Value	RM 16,833



Varieti baharu tingkat hasil padi

**Dijangka
mampu
hasilkan tujuh
ke lapan
metrik tan
padi sehektar**

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

YAN

Pengisytiharan varieti padi baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 diyakini mampu meningkatkan keberhasilan padi sebanyak sekali ganda sekaligus meningkatkan pendapatan petani.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, varieti baharu yang diperkenalkan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu adalah sejarah baharu negara kerana dihasilkan dengan kerjasama dua hala antara UKM dan agensi bawah kementerian.

Menurutnya, sekiranya berjaya meningkatkan hasil padi dalam tempoh beberapa tahun lagi, beliau percaya ia mampu memperingkatkan sara diri negara yang ketika ini hanya 70 peratus.

"Kita masih bergantung 30 peratus import bekalan beras dari luar

negara," katanya pada Majlis Pengisytiharan Varieti Baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 di Pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan MADA G-1V di Guar Chempedak, Yan Kelantan.

Menurutnya, setakat ini, purata penghasilan padi negara antara tiga hingga empat metrik tan sehektar namun dengan penggunaan varieti baharu yang diperkenalkan itu dijangka mampu menghasilkan antara tujuh hingga lapan metrik tan sehektar.

"Sewajarnya kita semua memastikan dengan mengisytiharkan varieti baru ini kita dapat tentukan fokus dan strategi yang paling bijak, supaya masa menuai akan datang dapat melihat keberhasilan mengajik kepada tujuh hingga lapan metrik tan bagi setiap hektar," katanya.

Beliau juga berharap agar petani dapat bersikap telus dalam penerimaan bantuan kerajaan, amanah dan berdedikasi dalam menyumbang



SHAKIR JAMIL

kepada peningkatan keberhasilan bekalan makanan negara sekaligus meningkatkan KDNK negara.

Varieti UKMRC-2 dan UKMRC-8 adalah hasil penyelidikan Profesor Dr R Wickneswari bersama bekas penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Abdullah Md Zain.

Kedua-duanya dihasilkan melalui pendebungaan terkawal daripada spesies padi liar oryza rufipogon dan varieti mega MR219 yang diperkenalkan bagi meningkatkan hasil dan sebagai varieti alternatif kepada varieti sedia ada di Malaysia.

MADACorp merupakan pengeluar tunggal benih padi sah UKMRC-2 dan UKMRC-8 bagi musim 1/2019 di kawasan MUDA selain beberapa Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dilantik sebagai pengeluar benih seperti PPK Lahar Bubu, PPK Putri Saadon dan juga Syarikat Pertama Padi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MADACorp, Shakir Jamil Faisal berkata, penghasilan kedua-dua varieti baharu ini adalah berjaya kerana kali pertama dihasilkan menerusi kajian akademik dan pihak swasta.

Menurutnya, ini satu perkembangan baik kerana industri padi memerlukan penambahan varieti benih yang membolehkan petani membuat pilihan yang dapat membantu dari segi kawalan penyakit dan penghasilannya.

"Kalau tengok di Thailand, benih padi dibenarkan dikeluarkan oleh semua pihak, setiap tahun ada 6 atau 7 varieti, tetapi kita di sini punya benih agak lambat, seperti dijelaskan tadi varieti baru ini pun mengambil masa 17 tahun untuk dikeluarkan di pasaran, sebelum ini hanya kita bergantung kepada benih dari MARDI," katanya.

Varieti UKMRC-2 dan UKMRC-8

Varieti padi UKMRC2

- Mempunyai kerintangan baik kepada penyakit kerah, pokok legap serta mempunyai cita rasa nasi yang baik.
- Proses pembiakan bermula 2002 dan dilalaukan bagi status varieti baharu pada 2009.
- Pengiktirafan sebagai varieti baharu diterima pada 2014 dengan nombor pendaftaran FBR0028.
- Kelengkapan batang antara 88-95 sentimeter serta mempunyai tangkai yang berkepanjangan antara 21-27 sentimeter.
- Mempunyai berat 1,000 biji yang membarangsangkan iaitu sekitar 25-27 gram.
- Berpotensi bertahan dalam keadaan banjir dengan kemandirian 87.5 peratus di dalam rendaman selama 14 hari berturut-turut pada fasa vegetatif.

Varieti padi UKMRC-8

- Mempunyai tempoh kemalangan yang singkat, pokok legap serta mempunyai cita rasa nasi yang baik.
- Proses pembiakan bermula 2002 dan dilalaukan bagi status varieti baharu pada 2009.
- Pengiktirafan sebagai varieti baharu diterima pada 2014 dengan nombor pendaftaran FBR0031.
- Kelengkapan batang adalah seperti MR219 iaitu antara 79-89 sentimeter serta mempunyai tangkai yang berkepanjangan antara 21-26 sentimeter.
- Mempunyai berat 1,000 biji membarangsangkan iaitu sekitar 25-28 gram.
- Berpotensi bertahan dalam keadaan banjir dengan kemandirian 50.8 peratus serta mampu keluar dari zon lemas dengan peratus pemanjangan daun sebanyak 57.2 peratus di dalam rendaman selama 14 hari berturut-turut pada fasa vegetatif.



Salahuddin ketika Majlis Pengisytiharan Varieti Baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan MADA G-1V di Guar Chempedak, Yan Kelantan.

Headline	Sawah tidak cukup air
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)
Date	23 Feb 2019
Section	News
Page No	38
Language	Malay
Journalist	MOHD TAHA YAACOB
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	160,000
Readership	509,000
ArticleSize	598 cm ²
AdValue	RM 4,741
PR Value	RM 14,223



Sawah tidak cukup air

Petani gusar pengeluaran padi terjejas akibat sistem pengairan tidak diselenggara

MOHD TAHA YAACOB

JERTIH

Pesawah di bawah Skim Pengairan Pelagat, dekat sini, bimbang pengeluaran hasil padi mereka merosot musim ini berikutan masalah bekalan air tidak mencukupi.

Ketua Tani yang juga Ketua Unit Air Terjun, Azlan Mat, 52, berkata, bekalan air ke petak sawah tidak mencukupi kerana air dari parit agih tidak dapat disalurkan dengan sempurna.

Menurutnya, air tidak dapat masuk ke sawah gara-gara parit agih (longkang U) dan parit buang tidak diselenggara dengan baik oleh pihak berkaitan.

"Sekarang ini petak sawah yang terletak berhampiran parit tidak berdepan masalah sangat kerana masih boleh memperoleh bekalan air tetapi bagi petak yang berada agak jauh, memang bermasalah. Petak sawah mereka kering hingga ada tanah merekah.

"Sedangkan buat masa ini dalam usia tanaman padi sebulan lebih, air masih



Parit agih kering kerana masalah kebocoran di beberapa tempat.

diperlukan. Malah air diperlukan selama sebulan lebih lagi sebelum padi dituai," katanya.

Parit bocor, semak

Azlan mendakwa, parit agih yang diguna untuk menyalurkan air ke sawah dari tali air utama dan parit buang tidak diselenggara sejak lebih tiga tahun lalu.

Katanya, parit agih mengalami banyak kerosakan apabila pecah di beberapa tempat menyebabkan berlaku kebocoran dan air masuk semula ke parit buang.

"Keadaan ini menyebabkan air untuk disalurkan ke sawah tidak mencukupi, banyak air terputus akibat masalah kebocoran di lebih 10 tempat membabitkan parit sepanjang kira-kira 10 kilometer itu," katanya.

Pesawah menunjukkan parit agih kering kerana air dari parit utama atau parit buang tidak dapat disalurkan ke parit tersebut.

Azlan berkata, kebocoran itu sepatutnya dibaiki supaya air dapat mengalir dengan baik dan mencukupi untuk keperluan pesawah di Kampung Padang Luas, Air Terjun, Tok Has, Dengir, Gong Penaga dan Pusu Tinggi.

Katanya, selain bocor, terdapat juga masalah parit agih ditumbuhi semak yang tebal.

"Semak samun ini menyebabkan pengaliran air ke bawah tidak lancar.

"Parit buang di kawasan ini khususnya dekat Air Terjun dan Padang Luas turut ditumbuhi semak dan pokok besar kerana tidak dibersihkan sejak beberapa tahun lalu," katanya.

Azlan berkata, di sesetengah petak sawah bergantung kepada air dari parit buang (air kitar semula).

Bagaimanapun katanya, parit buang turut mengalami kebocoran iaitu pada bahagian pintu air menyebabkan air tidak boleh ditakung ke paras yang dikehendaki supaya ia melimpah masuk ke sawah melalui saluran khas.

"Ramai petani mengeluh sekarang, jika masalah ini tidak diselesaikan segera sudah tentu hasil padi mereka merosot sekali gus menjejaskan pendapatan mereka.

"Sehubungan itu pesawah merayu kerajaan melalui agensi berkaitan dapat menyelenggara dan membaiki pulih sistem pengairan di sini," katanya.

Warta sebagai IADA Ketara

Sementara itu, ADUN Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman meminta kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Tani meluluskan kawasan itu sebagai Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA Ketara) Fasa 2.

Menurutnya, sekiranya ia diluluskan, masalah yang timbul dapat diselesaikan kerana infrastruktur di kawasan tersebut akan dibaiki atau dinaik taraf.

"Padi dan beras adalah jaminan makanan negara berbanding pertanian lain kerana ia makanan ruji rakyat negara ini.

"Jadi seharusnya kerajaan memberi perhatian kepada masalah ini. Jika masalah pengairan berlanjutan sudah tentu ia akan menjejaskan pengeluaran padi negara," katanya.

Bebau berkata, masalah pengairan di Skim Pengairan Pelagat berada pada tahap kritikal yang memerlukan tindakan segera daripada pihak terlibat.



Pesawah menunjukkan kawasan parit agih yang ditumbuhi semak samun.

Headline	Tolong kekalkan subsidi baja		
MediaTitle	Suara Perak (www.suaraperak.com)		
Date	23 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Tolong kekalkan subsidi baja

PASIR SALAK – Kira-kira 2,300 pesawah di Sungai Manik dan Labu Kubong di sini kecewa kerana bantuan subsidi baja melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berkurangan berbanding yang diterima sebelum ini.

Pengerusi Ahli Jemaah Pertubuhan Pelad...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Pesawah mengeluh hasil padi terjejas

Tolong kekalkan subsidi baja

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
 pengarang@utusan.com.my

■ PASIR SALAK 22 FEB.

KIRA-KIRA 2,300 pesawah di Sungai Manik dan Labu Kubong di sini kecewa kerana bantuan subsidi baja melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berkurangan berbanding yang diterima sebelum ini.

Pengerusi Ahli Jemaah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Manik, Suib Sulaiman berkata, pesawah telah menerima bantuan 12 beg baja sebatian atau campuran dan empat beg baja urea seberat 20 kilogram setiap satu bagi keluasan sawah satu hektar.

Bagaimanapun katanya, pesawah terkilang dengan bantuan tersebut kerana tidak cukup satu lagi jenis baja iaitu baja NPK tambahan sebanyak enam beg seberat 25 kilogram setiap satu bagi keluasan satu hektar sawah.

Katanya, selain itu bantuan racun serangga dan racun rumpai berjumlah RM200 untuk satu hektar juga tidak diterima petani seperti sebelum ini.

"Apa yang membimbangkan



PARA pesawah menantikan padi mereka yang kurang subur kerana kurang baja di Sungai Manik, Pasir Salak, Perak, baru-baru ini.

pesawah ialah padi yang ditanam tidak mendapat baja mencukupi dan kawalan serangga makhluk perosak.

"Ini akan menyebabkan pokok padi terencat dan pengeluaran hasil buah padi menurun serta menjejaskan pendapatan kami," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Sehubungan itu, Suib menjelaskan, pesawah mahu kerajaan memberi subsidi baja padi sama seperti yang diberikan oleh kerajaan terdahulu dan bukan mengurangkannya hingga

membebankan pesawah.

"Kami harap mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dengan membekalkan segera baja NPK tambahan sebanyak enam beg bersama bantuan input pertanian racun serangga dan rumpai bernilai RM200 bagi setiap hektar sawah," katanya.

Pesawah, **Helmi Iskandar Mohamad**, 42, berkata, pesawah kecewa dan terkilang dengan apa yang berlaku kerana ia menjejaskan hasil padi yang baharu sahaja ditanam.

Katanya, disebabkan baja

subsidi yang dikurangkan, mereka keluarkan duit sendiri untuk membeli baja yang diperlukan.

"Namun bukan semua pesawah mampu membeli baja. Jadi kami berharap kerajaan jangan tekan pesawah dan kami berharap apa yang kami dapat dari kerajaan sebelum ini kekalkan, jangan dikurangkan," katanya.

Pesawah, **Sabre Sulaiman**, 61, ketika ditemui turut mengeluh apabila padi berusia 60 hari yang ditanamnya tidak subur kerana kekurangan baja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/2/2019	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Perluas konsep KWAN kepada petani

Nelayan antara golongan utama menghuni kelompok berpendapatan rendah (B40) selain petani. Kebanyakan mereka bergantung kepada pelbagai skim bantuan kerajaan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dari bantuan kecil seperti agihan tunai atau subsidi, hingga inisiatif besar membabitkan bantuan jentera, kelengkapan kerja atau latihan peningkatan kemahiran, semuanya memberi manfaat besar kepada mereka.

Terbaru kerajaan bercadang mewujudkan tabung Kumpulan Wang Amanah Nelayan (KWAN) sebagai inisiatif menjaga kebajikan nelayan yang tidak berupaya turun ke laut atas pelbagai faktor. Walaupun mekanisme pelaksanaannya tidak diperincikan, kita memuji inisiatif ini kerana mengambil kira soal kebajikan nelayan dari sudut berbeza. Bayangkan berapa ramai nelayan yang sudah bersara, hilang upaya kekal atau diserang penyakit sehingga tidak mampu mencari rezeki di laut akan menerima manfaat daripada penyediaan tabung ini.

Mengambil kira manfaat itu, kita harap kerajaan dapat meneliti dan memperluas inisiatif ini kepada golongan bersesuaian khususnya petani. Umum tahu nelayan dan petani berkongsi masalah sama, dengan ramai hilang mata pencarian selepas tidak lagi mampu bekerja sama ada akibat faktor usia atau diserang penyakit. Jadi kenapa inisiatif baik sebegini perlu terhad kepada satu golongan sahaja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/2/2019	BERITA HARIAN	WILAYAH	69

Dana RM5 juta ceburi sektor tani

Jertih: Penduduk di negeri ini terutama golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus rendah (B40) bukan sahaja mampu memperoleh pendapatan lumayan, seandainya menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan.

Malah, bagi mereka yang berminat, kerajaan negeri menyediakan dana berjumlah RM5 juta yang hanya perlu dibayar semula, apabila aktiviti pertanian mereka membuahkan hasil.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata dana berkenaan yang sebelum ini dikenali Dana Usahawan Tani, kini dikenali Skim Bantuan Modal Tani, menyediakan jumlah pin-



Azman Ibrahim

jaman maksimum sebanyak RM50,000.

"Bidang pertanian menjanjikan pendapatan lumayan kepada rakyat, lebih-lebih lagi negeri ini mempunyai kawasan sesuai dan subur.

"Pertanian di Terengganu be-

lum mencapai kadar mencukupi untuk rakyat, contohnya keluaran padi di 12,000 hektar tanah hanya cukup untuk 50 peratus daripada 1.2 juta rakyat, manakala penternakan lembu dan ayam masih ada 70 peratus kekurangan untuk *food security* (jaminan bekalan makanan).

"Maknanya, sesiapa yang menceburi bidang pertanian di negeri ini boleh dikatakan tiada persaingan," katanya.

Sedia peluang baharu

Beliau berkata, kerajaan negeri sentiasa komited untuk merencanakan sektor pertanian di negeri ini dengan menyediakan peluang baharu, mahupun membangunkan semula projek pertanian yang terbengkalai.

"Contohnya projek kelapa mataq di ladang seluas 35 hektar di Kampung Kubang Puyu, Setiu akan kita pulihkan semula," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Jabi.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan memutuskan untuk tidak memberi wang tunai kepada golongan nelayan dan petani.

"Sebaliknya, kita akan membekalkan peralatan dengan nilai pinjaman yang diluluskan.

"Langkah ini terpaksa diambil kerana kajian mendapati punca utama kegagalan pelbagai skim bantuan disediakan kerajaan negeri disebabkan golongan itu menyalahgunakan wang pinjaman," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Usaha Pas pecah belah kerajaan PH

Dakwaan tak berasas

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
 utusanperlis@utusan.com.my

■ KANGAR 22 FEB.

TIMBALAN Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Salahuddin Ayub menyifatkan dakwaan wujud undi tidak percaya dalam kalangan Pakatan Harapan (PH) terhadap Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai tidak berasas.

Sebaliknya beliau berkata, dakwaan tersebut dilihat sebagai usaha Pas untuk cuba memecahbelahkan kerajaan PH.

Katanya, isu tersebut tidak pernah berbangkit sebaliknya semua pihak sentiasa bersama Dr. Mahathir kerja siang dan malam untuk kepentingan rakyat serta negara.

"Rakyat tak nak dengar Dr. Mahathir jatuh atau tidak, siapa ganti dia, sebaliknya rakyat hendak tengok apa kerajaan boleh buat membantu mereka.

"Rakyat nak dengar apa pengumuman seterusnya, berita gembira, perubahan yang boleh ditumpang. Itu yang kita fikir siang dan malam untuk menyelesaikan isu rakyat," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan program



SALAHUDDIN AYUB

Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani peringkat negeri ini di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Salahuddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, pendirian Pas untuk menyokong kepemimpinan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri juga sukar dipercayai.

Katanya, hal demikian kerana kepemimpinan tertingginya selalu mengeluarkan kenyataan 'berpusing-pusing'.

"Sedangkan Dr. Mahathir sendiri tidak percaya dengan pendirian Pas itu apatah lagi kita. Pas ini parti yang cakup berpusing-pusing, hari cakup lain, esok cakup lain. Sukar

"Rakyat tak nak dengar Dr. Mahathir jatuh atau tidak, siapa ganti dia, sebaliknya rakyat hendak tengok apa kerajaan boleh buat membantu mereka."

SALAHUDDIN AYUB

hendak duga," katanya.

Sementara itu ketika mengulas mengenai kenyataan Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa DAP dan PKR tidak bersungguh-sungguh membantu calon Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, Salahuddin mendakwa, Presiden Pas itu bercakap bohong dalam soal tersebut.

Katanya, sepanjang tempoh kempen, rata-rata pemimpin parti komponen PH turun padang membantu calon Bersatu.

"Saya yakin dengan kerja kuat tiada masalah untuk PH mengekalkan kemenangan di Semenyih. Malah kerjasama Pas dan UMNO juga lebih menguntungkan kita," katanya.

Headline	Kelulusan sementara nelayan Hong Kong dilanjutkan hingga akhir tahun		
MediaTitle	Oh Semput (www.ohsemput.com)		
Date	23 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Kelulusan sementara nelayan Hong Kong dilanjutkan hingga akhir tahun

Kelulusan sementara nelayan Hong Kong dilanjutkan hingga akhir tahun

Posted on 23 Feb 2019 09:02:36AddThis Sharing ButtonsDikemas kini 23 minit yang lalu · Diterbitkan pada 23 Feb 2019 4:39PM ·Pengusaha akuakultur di Malaysia sering menggunakan khidmat k...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Kelulusan sementara nelayan Hong Kong dilanjutkan hingga akhir tahun		
MediaTitle	The Malaysian Insight (www.themalaysianinsight.com/bahasa)		
Date	23 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Kelulusan sementara nelayan Hong Kong dilanjutkan hingga akhir tahun

Dikemas kini 7 minit yang lalu · Diterbitkan pada 23 Feb 2019 4:39PM · 0 Komen
KERAJAAN bersetuju melanjutkan kelulusan sementara kepada kapal nelayan dari Hong Kong untuk memasuki perairan Malaysia sehingga akhir tahun ini, kata Timbalan Menteri Pertani...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Temporary approval for Hong Kong fishing vessels extended till Dec 31, 2019		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	23 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Temporary approval for Hong Kong fishing vessels extended till Dec 31, 2019

GEORGE TOWN, Feb 23 (Bernama) -- The Government has agreed to extend the temporary approval for fishing vessels from Hong Kong to enter Malaysian waters until Dec 31, 2019. Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin said, however, t...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***